

TARIKH : 22 DISEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Projek ECRL diteruskan tetapi jimat RM11 bilion

Kemajuan projek sejauh 665km itu berada pada 35.9%

Projek ECRL diteruskan tetapi jimat RM11 bilion

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kos pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur sepanjang 665 kilometer (km) berjaya dijimatkan sebanyak RM11.01 bilion berbanding jumlah keseluruhan sebanyak RM85.97 bilion yang ditetapkan pada 2016.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kejayaan menjimatkan kos pembinaan itu dicapai menerusi rundingan cekap dilaksanakan Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya sebelum ini.

"Kita putuskan walaupun ada permohonan penambahan kos kerana laluan baharu, tetapi kalau kita lihat

kos keseluruhan ECRL itu lebih rendah RM11.01 bilion berbanding kos keseluruhan asal sebanyak RM85.97 bilion pada 2016.

"Walaupun ada sedikit penambahan kerana pembiayaan tambahan bagi menampung penajaran semula projek ECRL yang kita luluskan, tetapi ini sebabkan keseluruhan kos itu diturunkan sebanyak RM11.01 bilion," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Perdana Putra di sini semalam.

Katanya, keputusan kerajaan meneruskan projek ECRL itu disifatkan tidak akan membawa banyak perubahan ekoran akan melambatkan proses pelaksanaan dan menyulitkan kerja-kerja serta rundingan sedia ada.

"Tahniah Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan

dan Kementerian Kerja Raya kerana membantu mempercepatkan rundingan ini dan akhirnya menurunkan kos keseluruhan berbanding apa yang diluluskan pada 2016," ujarnya.

Sebelum ini, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook memberi jaminan projek mega dan berskala besar seperti ECRL, Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) dan Projek Laluan Lingkaran Transit Aliran Massa 3 (MRT3) akan diteruskan seperti biasa.

Ketika ini, kemajuan keseluruhan projek ECRL berada sekitar 35.9 peratus, selain dijangka beroperasi pada Januari 2027 dengan keupayaan memuatkan 440 penumpang bagi satu-satu perjalanan.



PROJEK ECRL diteruskan di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan.